

01/01/2001

Sorotan peristiwa

1 Januari 2000 - Presiden Russia, Boris Yeltsin, mengejutkan dunia apabila mengumumkan peletakan jawatannya pada malam tahun baru dengan menyerahkan kuasa kepada Perdana Menteri, Vladimir Putin. Sumbangan Yeltsin kepada Rusia ialah menghapuskan komunisme itu sendiri dan membina institusi politik yang baru di bawah pemimpin demokratik yang dilantik mengikut perlembagaan.

5 Januari 2000 - Beratus-ratus orang terbunuh dalam pertempuran antara penduduk Islam dan Kristian di Kepulauan Maluku, Indonesia. Di Maluku Utara, penduduk Islam melarikan diri dari Pulau Halmahera yang dilanda keganasan.

26 Januari 2000 - Lebih 30 komando polis Thailand menyerbu dan membunuh 10 anggota gerila Karen Myanmar yang menawan sebuah hospital di barat negara itu sebelum membebaskan semua 500 tebusan.

14 Mac 2000 - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Singapura bersikap tolak ansur dalam rundingan pakej penyelesaian pelbagai perkara yang membabitkan hubungan dua hala antara republik itu dengan Malaysia.

Pakej penyelesaian itu membabitkan isu pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) bagi rakyat Malaysia, bekalan air, tanah dan stesen keretapi milik Keretapi Tanah Melayu Berhad.

23 April 2000 - Sekumpulan 20 lelaki bersenjata mendarat di Pulau Sipadan, Sabah dan menculik 21 tebusan, termasuk sembilan warga Malaysia. Tebusan pertama dibebaskan dua bulan kemudian. Kumpulan yang sama menculik tiga lagi tebusan dari Pulau Pandanan, Semporna pada 10 September.

19 Mei 2000 - Seorang ahli perniagaan, George Speight mengetuai kumpulan bersenjata menyerbu bangunan Parlimen Fiji dan menahan tebusan, termasuk Perdana Menteri etnik India, Mahendra Chaudry, yang membawa kepada pembentukan kerajaan sementara. Bagaimanapun, Speight akhirnya didakwa atas tuduhan menderhaka.

9 Ogos 2000 - Pendakwa akhirnya mengemukakan tuduhan rasmi rasuah terhadap bekas Presiden Indonesia, Suharto. Perbicaraan diadakan sebelum akhir Ogos ini.

11 Ogos 2000 - Perdana Menteri Sri Lanka, Sirima Bandaranaike bersara untuk memberi laluan mudah kepada rombakan Kabinet yang dipimpin anak perempuannya, Presiden Chandrika Kumaratunga. Bandaranaike meletak jawatan dua bulan sebelum pilihan raya Parlimen.

28 September 2000 - Pemimpin pembangkang Israel, Ariel Sharon, melawat Masjid al-Aqsa, sekali gus mencetuskan kemarahan penduduk Palestin yang kemudiannya melancarkan gerakan intifada sehingga mengorbankan kira-kira 350 nyawa setakat ini. Sharon ialah orang bertanggungjawab dalam kejadian pembunuhan beramai-ramai pelarian Palestin di khemah pelarian Sabra dan Shatila di Beirut.

22 November 2000 - Presiden Peru, Alberto Fujimori meletak jawatan dengan alasan Parlimen dikuasai pihak pembangkang dan berhijrah ke negara asalnya, Jepun. Bagaimanapun, Kongres Peru menolak peletakan jawatan itu, sebaliknya memecat beliau dengan alasan ketidakmampuan moral.

2 Disember 2000 - Presiden Filipina, Joseph Estrada mengaku tidak bersalah atas tuduhan rasuah. Beliau memerlukan sekurang-kurangnya lapan undi dalam Senat yang dianggotai 22 ahli untuk bebas daripada tuduhan.

14 Disember 2000 - Calon Republikan, George Bush, menyusuli jejak bapanya, George Bush ke Rumah Putih selepas calon Demokrat, Al Gore,

mengaku kalah apabila Mahkamah Agung Amerika Syarikat mencapai keputusan 5-4 menentang pengiraan semula undi di Florida.

(END)